

KEWUJUDAN PEGAWAI PENGGERAK PERPADUAN MASYARAKAT

Latar Belakang Pegawai Penggerak Perpaduan Masyarakat:

Unit Penggerak Perpaduan merupakan Unit Baru diwujudkan oleh JPNIN, ia diletakkan dan mula beroperasi di Bahagian Pembangunan Komuniti (PK), mulai 2 Januari 2012. Bahagian Pembangunan Komuniti (PK) JPNIN Ibu Pejabat memerlukan jentera tambahan untuk terus memperkukuhkan pembangunan komuniti setempat dalam mengwujudkan keharmonian masyarakat dan perpaduan di kawasan-kawasan berisiko tinggi (Hot Spot) seluruh negara. Pegawai JPNIN yang sedia ada di peringkat Daerah sekarang tidak mencukupi dan menghadapi kekangan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kerana perjawatan sedia ada tidak seimbangan dari segi nisbah dengan populasi penduduk. Disamping itu Pegawai JPNIN sedia ada di Daerah menanggung beban kerja yang berat melaksanakan Pentadbiran dan Pengurusan Jabatan, selain memantau dan menguruskan tugas-tugas berhubung dengan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Skim Rondan Sukarela (SRS), mengesan Isu-isu dan Indeks Perpaduan Kaum serta menyokong program agensi-agensi Kerajaan lain di Daerah dan Negeri.

Menyedari hakikat ini, pada 30 September 2009 Jabatan telah memohon kepada Jemaah Menteri dan jemaah Menteri bersetuju untuk mengwujudkan 54 Jawatan "Pegawai Penggerak Perpaduan Masyarakat" di Kawasan Parlimen yang dikenalpasti berisiko tinggi untuk membantu Pegawai JPNIN yang sedia ada.

JPNIN telah mengemukakan surat permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan bajet, bagi tujuan pembayaran gaji kepada Pegawai Penggerak Perpaduan, pada 15 Oktober 2009.

Pada 13 November 2009, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam meyakini bahawa Perbendaharaan telah meneliti permohonan berkenaan dan berpendapat perlantikan jawatan tersebut hendaklah dibuat secara "Contract For Service" dibawah peruntukan OS29000 seperti ditetapkan di Perkeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008.

JPNIN telah menerima surat daripada Kementerian Kewangan mengenai pengambilan 47 jawatan Pegawai Penggerak Perpaduan Masyarakat (PPPM) Gred S32 (berupa Kontrak setahun ke setahun) pada 12 Januari 2010.

Pada 18 Februari 2010, JPNIN mengemukakan Surat kepada JPA untuk memohon penambahan 7 lagi Jawatan PPM yang sedia ada, dan pada 15 April 2010, Kementerian Kewangan telah meluluskan Jawatan yang dipohon tersebut.

Objektif Penubuhan Pegawai Penggerak Perpaduan:

Objektif pertama Pegawai Penggerak Perpaduan Masyarakat ini adalah bagi memantapkan perpaduan dan keharmonian masyarakat diperingkat komuniti melalui pendampingan sosial dan program penggalakan.

Objektif kedua, Pegawai Penggerak boleh mengesan dan mengurangkan ketegangan sosial melalui pendekatan bersama masyarakat, kemahiran mediasi dan sesi dialog.

Objektif ketiga, ianya boleh menjadi saluran untuk menyampaikan "pain points" yang mencetuskan masalah perhubungan dalam masyarakat kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan penyelesaian.

Tugas Pegawai Penggerak Perpaduan Masyarakat:

Menjadi jentera penting bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan keharmonian masyarakat di kawasan berisiko tinggi;

Memantapkan perpaduan dan keharmonian masyarakat diperingkat komuniti melalui pendampingan sosial (social outreach) dan program penggalakan;

Mengesan dan mengurangkan ketegangan sosial melalui pendekatan bersama masyarakat, mediasi dan dialog;

Menjadi penyalur untuk menyampaikan "pain points" yang boleh mencetus masalah perhubungan dalam masyarakat kepada Agensi berkaitan untuk tindakan penyelesaian.

Mengesan dan mengenali pasti tanda-tanda yang boleh menimbulkan ketegangan dalam komuniti, kemudian meredakan keadaan;

Membantu merancang, melaksana dan menilai program-program penggalakan JPNIN supaya kesejahteraan dan keharmonian masyarakat setempat terpelihara;

Menjadi penyalur maklumat ketegangan sosial yang betul kepada masyarakat





Disedia





Disediakan Oleh:
Ibrahim Abdullah
Ketua Unit Penggerak
Bahagian Pembangunan Komuniti JPNIN, Ibu Pejabat.